

MSWG AGM/EGM WEEKLY WATCH

Tempoh 21 hingga 25 April 2025

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

| Tarikh & Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|------------------------------------|--|--|
| 21.04.25 (Isnin) 09.00 pagi | Bintulu Port Holdings Bhd (AGM) | <p>Kumpulan mencatatkan pendapatan operasi yang lebih tinggi pada tahun 2024, sebanyak RM828.3 juta, berbanding dengan RM765.58 juta pada tahun 2023. Peningkatan ini disumbangkan oleh pengendalian kargo dan kapal untuk gas asli cecair (<i>liquefied natural gas, LNG</i>), kontena, perkhidmatan kargo pukal dan kargo daripada Samalaju.</p> <p>Selaras dengan peningkatan pendapatan operasi, keuntungan bersihnya turut meningkat sebanyak 22.73% kepada RM153.48 juta berbanding dengan RM125.04 juta pada tahun sebelumnya.</p> |
| 22.04.25 (Selasa) 10.00 pagi | Petronas Chemicals Group Berhad (AGM) | <p>PCG mencatatkan prestasi pendapatan yang kukuh pada tahun kewangan 2024, mencecah rekod tertinggi sebanyak RM30.7 bilion walaupun harga produk mengalami penurunan.</p> <p>Bagaimanapun, keuntungan bersihnya menyusut 26% kepada RM1.3 bilion berbanding dengan RM1.8 bilion pada tahun 2023. Hal ini disebabkan oleh EBITDA yang lebih rendah, kesan pertukaran mata wang asing yang tidak menguntungkan, caj susut nilai yang lebih tinggi serta peningkatan kos kewangan dalam entiti operasi bersama.</p> <p>Walaupun berdepan tekanan ini, PCG mendapat manfaat daripada keuntungan penilaian semula liabiliti perdagangan yang sedikit sebanyak mengimbangi kesan kewangan negatif yang dialami.</p> |

| Tarikh & Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|----------------------------------|--|---|
| 23.04.25 (Rabu) 09.30 pagi | United Plantations Berhad (AGM) | <p>Pendapatan Kumpulan meningkat 9.1% tahun ke tahun kepada kira-kira RM2.2 bilion dalam tahun kewangan 2024, berbanding dengan RM2 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh harga komoditi yang lebih tinggi serta sumbangan pendapatan yang lebih besar daripada bahagian penapisan hiliran.</p> <p>Syarikat perladangan ini terus menunjukkan ketahanan walaupun berdepan keadaan global yang tidak menentu, dengan mencatatkan keuntungan bersih tertinggi setakat ini, sebanyak RM719 juta (tahun kewangan 2023: RM711 juta).</p> |
| 23.04.25 (Rabu) 09.30 pagi | Grand Central Enterprises Bhd (AGM) | <p>Pendapatan GCE mencatatkan peningkatan kepada RM26.8 juta dalam tahun kewangan 2024 berbanding dengan RM24.3 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Bagaimanapun, kerugian sebelum cukainya meningkat kepada RM28.9 juta berbanding RM7.9 juta pada tahun sebelumnya, sebahagian besarnya disebabkan oleh kerugian rosot nilai ke atas bangunan hotel berjumlah RM20.3 juta, peningkatan dalam kerja-kerja penyelenggaraan dan kos kakitangan. Syarikat ini terus berdepan cabaran utama seperti kenaikan kos operasi serta persaingan yang sengit daripada hotel tempatan dan luar negara.</p> |
| 23.04.25 (Rabu) 10.00 pagi | Petronas Gas Berhad (AGM) | <p>Pada tahun kewangan 2024, pendapatan Kumpulan meningkat sebanyak 1.4% kepada RM6.54 bilion, disokong oleh prestasi yang lebih kukuh dalam segmen Pengangkutan dan Pemprosesan Gas, yang menampung kelemahan prestasi segmen Utiliti.</p> <p>Meskipun beroperasi dalam persekitaran yang berkos tinggi, langkah penjimatan kos membantu Kumpulan mengekalkan keuntungan kasarnya pada RM2.28 bilion. Keuntungan sebelum cukai menyusut 1.1% kepada RM2.36 bilion, disebabkan oleh sumbangan yang lebih rendah daripada usaha sama. Bagaimanapun, perbelanjaan cukai yang lebih rendah menyebabkan keuntungan bersih meningkat 1.2% kepada RM1.92 bilion pada tahun kewangan 2024.</p> |

| Tarikh & Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|------------------------------------|--|---|
| 23.04.25 (Rabu) 10.00 pagi | Binasat Communications Berhad (EGM) | Binasat mencadangkan untuk memperoleh tiga unit pejabat kedai di Sazean Business Park dengan harga RM8.34 juta dan 241 unit suite hotel di Empire City dengan harga RM73.54 juta. Syarikat juga bercadang untuk menceburi bidang pembinaan, pembangunan dan pelaburan hartanah, sekali gus melebarkan sayapnya daripada perniagaan utama iaitu telekomunikasi. Bagi membiayai pemerolehan ini, Binasat merancang untuk melaksanakan penempatan persendirian yang berjumlah sehingga 128.14 juta saham baharu, mewakili 30% daripada modal saham terbitan Syarikat. |
| 24.04.25 (Khamis) 10.00 pagi | Petronas Dagangan Berhad (AGM) | Pendapatan PetDag meningkat 1% pada tahun kewangan 2024 kepada RM38 bilion, didorong oleh pertumbuhan 3% dalam jumlah jualan terutamanya daripada produk Mogas dan Jet A-1, walaupun harga jualan purata menyusut sebanyak 2%. Keuntungan sebelum cukai naik 15% berbanding tahun kewangan 2023, manakala keuntungan selepas cukai meningkat 15%, melepassi paras RM1 bilion buat pertama kalinya sejak pandemik. |
| 24.04.25 (Khamis) 10.00 pagi | SP Setia Berhad (AGM) | Tahun kewangan 2024 merupakan tahun rekod bagi SP Setia dengan pendapatan dan keuntungan tertinggi dalam tempoh lima tahun. Pendapatannya meningkat 21% kepada RM5.3 bilion, manakala keuntungan sebelum cukai melonjak 71% kepada RM1.1 bilion. Peningkatan prestasi kewangan ini disumbangkan oleh beberapa penjualan tanah utama serta prestasi yang kukuh dalam perniagaan pembangunan. Jualan belum dibil berjumlah kira-kira RM4.09 bilion, memberikan jaminan pendapatan yang kukuh dalam jangka pendek hingga sederhana. SP Setia kini memiliki 5,451 ekar tanah dengan jumlah nilai pembangunan kasar (GDV) berbaki sebanyak RM128.59 bilion. |
| 24.04.25 (Khamis) 10.00 pagi | Malayan Banking Berhad (AGM) | Maybank melaporkan peningkatan sebanyak 8.1% dalam pendapatan operasi bersih kepada RM29.57 bilion, berbanding dengan RM27.36 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah hasil peningkatan 22.6% dalam pendapatan bukan faedah (<i>non-interest income, NOII</i>) kepada RM9.88 bilion (tahun kewangan 2023: RM8.06 bilion), dipacu oleh kenaikan yuran pengurusan kekayaan dan |

| Tarikh & Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|------------------------------------|----------------------------------|---|
| | | <p>perbankan pelaburan, serta pendapatan daripada pasaran global dan portfolio insurans.</p> <p>Keuntungan bersih Maybank dalam tahun kewangan 2024 meningkat kepada RM10.09 bilion, berbanding dengan RM9.35 bilion pada tahun sebelumnya.</p> <p>Nisbah kos kepada pendapatan (<i>cost-to-income ratio</i>, CIR) kekal tidak berubah pada 48.9%, manakala perbelanjaan overhead meningkat 8% tahun ke tahun, berpunca daripada peningkatan kos kakitangan, IT dan pemasaran.</p> |
| 24.04.25 (Khamis) 11.00 pagi | Ingenieur Gudang Berhad (AGM) | <p>Pendapatan Ingenieur meningkat lebih sekali ganda kepada RM49.40 juta pada tahun kewangan 2024, berbanding dengan RM20.35 juta sebelum ini, hasil daripada lebih banyak projek yang diperoleh, serta kemajuan kerja yang semakin meningkat dalam segmen pembinaan.</p> <p>Syarikat mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM25.29 juta untuk tahun kewangan 2024 berbanding dengan RM17.94 juta pada tahun kewangan 2023, terutamanya disumbangkan oleh keuntungan daripada penilaian semula hartanah pelaburan, serta peningkatan hasil.</p> |
| 25.04.25 (Jumaat) 10.00 pagi | SDS Group Berhad (EGM) | SDS mencadangkan penerbitan bonus sebanyak 136.54 juta saham baharu, berdasarkan satu saham bonus bagi setiap tiga saham sedia ada yang dipegang. Proses pengagihan bonus ini dijangka selesai pada separuh penggal pertama tahun 2025. |
| 25.04.25 (Jumaat) 10.00 pagi | NetX Holdings Berhad (AGM) | <p>Pendapatan NetX Holdings Berhad menurun sebanyak 26.7% kepada RM12.35 juta pada tahun kewangan 2024, manakala kerugian bersihnya meningkat kepada RM28 juta. Prestasi ini berpunca daripada kerugian rosot nilai ke atas muhibah dan aset tidak ketara.</p> <p>Segmen utama seperti Perkhidmatan Bukan Pembayaran mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 70%, manakala Perkhidmatan Pembayaran Elektronik kekal lemah akibat kelewatan mendapatkan kelulusan pengawalaturan bagi platform eFX.</p> |

| Tarikh & Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|------------------------------------|--|--|
| | | <p>Walaupun pendapatan segmen Great Experiences Matter (GEM) meningkat sekali ganda, ia masih mencatatkan kerugian. Operasi yang tidak cekap, prestasi lemah dalam unit utama, serta kelewatan penjanaan hasil daripada platform fintech menyumbang kepada kemerosotan ini.</p> |
| 25.04.25 (Jumaat) 11.00 pagi | Kumpulan H&L High-Tech Berhad (AGM) | <p>Pada tahun kewangan 2024, Kumpulan mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 20.4% kepada RM21.69 juta berbanding dengan RM27.24 juta pada tahun kewangan 2023, disebabkan oleh sumbangan yang lebih rendah daripada segmen Pembuatan.</p> <p>Selaras dengan pendapatan yang lebih rendah, keuntungan sebelum cukai menyusut 29.2% kepada RM8.79 juta. Jika dikecualikan keuntungan nilai saksama ke atas hartanah pelaburan, keuntungan sebelum cukai Kumpulan sebenarnya merosot sebanyak 63.1%.</p> <p>Walaupun berdepan cabaran operasi, Kumpulan masih dapat mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM7.42 juta, iaitu penurunan 27.1% (atau RM2.76 juta) berbanding dengan tahun kewangan 2023.</p> |

PERKARA PENTING

| Syarikat | Perkara/ Isu Untuk Diajukan |
|---------------------------------------|--|
| Petronas Chemicals Group Berhad (AGM) | <p>Prospek bagi tahun 2025 dijangka terus mencabar memandangkan sektor kimia global masih bergelut dengan ketidaktentuan ekonomi, harga minyak mentah yang turun naik serta perubahan dinamik pasaran. Tekanan terhadap harga petrokimia yang dijangka berlaku akibat permintaan yang lemah dan ketegangan geopolitik akan memerlukan PCG memberikan tumpuan yang serius kepada pengawalan kos dan kecekapan operasi. (Halaman 21, Laporan Tahunan Bersepadu 2024)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sejauh manakah Kumpulan telah menggunakan teknologi berasaskan kecerdasan buatan (AI) atau langkah lain bagi memperkuuh penjimatkan kos dan meningkatkan kecekapan operasi? b) Dengan cabaran seperti lebihan kapasiti, khususnya untuk produk utama seperti etilena, polietilena dan monoetilena glikol, yang dijangka berterusan sehingga 2030, apakah pelarasan strategik yang sedang dipertimbangkan oleh Kumpulan dari segi pengoptimuman pengeluaran, pelarasan kapasiti atau kepelbagaian produk bagi membendung hakisan margin serta mengekalkan daya saing? c) Bagaimanakah pelaksanaan tarif perdagangan oleh Amerika Syarikat menjelaskan industri petrokimia, dan apakah kesan langsungnya terhadap PCG? |
| Grand Central Enterprises Bhd (AGM) | Kumpulan mencatatkan kerugian yang berterusan selama lima tahun berturut-turut, dengan peningkatan yang berterusan dalam kos kakitangan dan kos operasi, selain persaingan yang semakin sengit. Apakah rancangan Kumpulan untuk menambah baik prestasi hotel-hotel di bawahnya? Adakah Lembaga Pengarah mempertimbangkan untuk menjual hotel-hotel ini melalui bidaan terbuka sekiranya mendapat tawaran harga yang menarik? |
| Petronas Gas Berhad (AGM) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Sepanjang tahun 2024, kesemua fasiliti Kumpulan kekal mematuhi piawaian kebolehpercayaan bertaraf dunia. Penggunaan teknologi digital canggih secara strategik telah membantu melepas tahap Keberkesanan Peralatan secara Keseluruhan yang dirancang dan mencapai Kebolehpercayaan Penghantaran Produk yang cemerlang, bagi memastikan bekalan gas yang berterusan kepada negara. (Halaman 21, Laporan Bersepadu 2024) <p>Sebelum berlakunya insiden letupan paip gas di Putra Heights baru-baru ini, adakah pernah berlaku gangguan bekalan gas? Apakah pelan luar jangka yang telah disediakan oleh PGB bagi</p> |

| Syarikat | Perkara/ Isu Untuk Diajukan |
|--------------------------------|--|
| | <p>memastikan kesinambungan bekalan gas sekiranya berlaku kejadian seumpama ini?</p> <p>2. Insiden letupan paip gas di Putra Heights yang menyebabkan kecederaan dan kerosakan harta benda merupakan kejadian yang tidak diduga.</p> <p>a) Kami percaya bahawa Kumpulan telah pun mengamalkan dasar HSE (Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar) yang kukuh, menggunakan pelbagai peralatan penilaian risiko serta mengguna pakai teknologi digital secara progresif bagi mempertingkatkan keselamatan proses. Walaupun siasatan masih dijalankan, sudah tentu terdapat pelbagai pengajaran penting yang boleh diambil bagi memperkuuh dasar, prosedur dan proses Kumpulan yang sedia ada.</p> <p>Apakah pandangan dan maklum balas daripada pihak Lembaga terhadap aspek yang memerlukan perhatian segera dan apakah pelan tindakan serta penambahbaikan yang telah dirancang dalam masa terdekat?</p> <p>b) Apakah inisiatif yang sedang dijalankan oleh PGB untuk mendidik komuniti yang tinggal berhampiran infrastruktur gas tentang keselamatan saluran paip, tindakan kecemasan dan cara melaporkan kejadian bahaya?</p> |
| Petronas Dagangan Berhad (AGM) | <p>Pemulihan sektor pelancongan dan penerbangan telah mendorong permintaan terhadap Jet A-1 manakala permintaan domestik yang kukuh dalam segmen Runcit dan Komersial turut mendorong pertumbuhan yang ketara. Selain itu, harga minyak mentah yang stabil, kira-kira USD80 setong, mewujudkan persekitaran yang menggalakkan untuk pertumbuhan pendapatan. Kadar pengangguran yang rendah dan kadar dasar semalamans (OPR) yang stabil menyokong perbelanjaan pengguna, sekali gus memberikan manfaat kepada segmen Runcit dan Kemudahan Kumpulan. (Halaman 19, Laporan Bersepadu 2024)</p> <p>a) Dengan ketidakpastian yang masih berterusan dalam pengenaan tarif, serta keputusan OPEC+ untuk meningkatkan pengeluaran, harga minyak mentah Brent kini jatuh di bawah USD80 setong. Sejauh manakah situasi ini memberikan kesan kepada Kumpulan?</p> <p>b) Banyak faktor positif nampaknya mendorong pertumbuhan Kumpulan pada tahun 2024. Sejauh manakah keyakinan Lembaga bahawa momentum ini dapat dikekalkan pada tahun 2025? Apakah petunjuk ekonomi yang sedang dipantau oleh</p> |

| Syarikat | Perkara/ Isu Untuk Diajukan |
|-------------------------------|---|
| | <p>pihak pengurusan bagi menilai risiko makroekonomi yang mungkin mengganggu pertumbuhan ini?</p> <p>c) Apakah pemacu pertumbuhan utama Kumpulan yang dikenal pasti oleh pihak pengurusan untuk jangka pendek hingga sederhana? Apakah sasaran pertumbuhan margin, khususnya dalam segmen Runcit, Komersial dan Kemudahan?</p> |
| Malayan Banking Berhad (AGM) | <p>Perang tarif global yang semakin memuncak serta peningkatan dalam ketegangan geopolitik memberikan tekanan terhadap aliran perdagangan rentas sempadan, pelaburan langsung asing (<i>foreign direct investment, FDI</i>) dan kestabilan rantaian bekalan.</p> <p>Dalam situasi ini, apakah cabaran utama dari sudut makroekonomi dan sektoral yang dijangka oleh Maybank dalam jangka masa terdekat hingga sederhana? Bagaimanakah perkembangan ini menjelaskan pertumbuhan pinjaman dan kualiti aset Maybank, lebih-lebih lagi dengan jejaknya yang pelbagai dalam rantau ASEAN serta pendedahan terhadap sektor yang sensitif terhadap dinamik perdagangan global?</p> |
| Ingenieur Gudang Berhad (AGM) | <p>a) Apakah projek-projek semasa yang sedang dijalankan, dan bagaimanakah status kemajuan setiap projek tersebut?</p> <p>b) Kumpulan menyatakan komitmen untuk memperluas senarai projeknya dengan membida kontrak baharu secara aktif. (Halaman 23, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Apakah jumlah buku pesanan Kumpulan sekarang dan berapakah kontrak baharu yang disasarkan pada tahun 2025? Apakah kadar kejayaan Kumpulan dalam mendapatkan kontrak baharu?</p> |
| Netx Holdings Berhad (AGM) | <p>Dalam pelaburan lain, Kumpulan telah membeli saham tersenarai tambahan di Malaysia berjumlah RM7.0 juta pada tahun kewangan 2024. Namun begitu, kerugian nilai saksama ke atas pelaburan ini meningkat dengan ketara kepada RM4.2 juta berbanding dengan RM2.9 juta pada tahun kewangan 2023. (Nota 10, halaman 99, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Saham tersenarai manakah yang dibeli oleh Kumpulan? Apakah rasionalnya di sebalik pelaburan sebanyak RM7.0 juta dalam saham tersenarai itu berbanding menggunakan tunai tersebut untuk perniagaan teras Kumpulan?</p> <p>b) Apakah saham yang dikaitkan dengan kerugian nilai saksama itu?</p> |

| Syarikat | Perkara/ Isu Untuk Diajukan |
|----------|---|
| | c) Bagaimanakah Lembaga mengurus risiko pelaburan yang dikaitkan dengan saham tersenarai? Adakah Lembaga mempunyai dasar pelaburan khusus untuk pelaburan seumpama ini? |

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.